

Memantapkan Kepimpinan KRS Labuan



Labuan, 17 Feb 2020 – Seramai 19 peserta menghadiri Perkhemahan Kepimpinan Pelajar Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan Pentauliahian Pangkat Lans Koperal dan Koperal KRS SMK Labuan 2020 pada 14 hingga 16 Februari lalu.

Matlamat program itu ialah untuk memberi peluang kepada kadet dan AJK Tertinggi KRS SMK Labuan untuk memperolehi pengetahuan, pengalaman, kemahiran, kebolehan mengurus dan memimpin.

Pengisian aktiviti sepanjang program ialah penghayatan kurikulum KRS kawad kaki, ikhtiar hidup, penghayatan rohani.

Pada majlis itu, empat orang murid mendapat pentauliahian dan menerima pangkat Koperal KRS iaitu Aznil Abdullah, Mohd Khairul Azwan Azman, Nick Zachary Petrus dan Deena Liyana Talip.

Empat lagi murid menerima pangkat Lans Koperal KRS iaitu Siti Nuraliah Zam Zam, Nurul Farhana Bali, Syarikey Benedict dan Nor Akmal Danial Abdul Latif.



Penyampaian sijil tauliah kepada Koperal KRS Aznil bin Abdullah



Penyampaian sijil tauliah kepada Koperal KRS Deena Liyana binti Talip



Encik Cheah dan Encik Mohd Zukifli memakaikan pangkat kepada Koperal KRS Khairul Azwan bin Azman



Lapan orang penerima pentauliahian pangkat

Lima orang guru terbabit dalam program berkenaan iaitu Kapten KRS Irwan Herman, Leftenan Muda KRS Normazrena Kadam, Pegawai KRS Siti Juhaidah Sani, Pegawai KRS Norazimah. Mereka dibantu oleh enam orang pelajar KRS Tingkatan 6 sebagai fasilitator.

Pentauliahahan pangkat disempurnakan oleh Timbalan Komandan KRS SMK Labuan Mejar KRS Cheah Teong Aik.

Turut hadir Penyelaras Unit Beruniform SMK Labuan Cikgu Mohd Zukifli Ismail.

Sementara itu, Pengetua SMK Labuan Encik Ismail Abdullah berharap AJK KRS yang telah dilantik boleh membantu guru penasihat dengan yakin dalam setiap interaksi perjumpaan kokurikulum.

Manakala penerima pangkat dapat memberi inspirasi kepada ahli lain agar terus aktif dan meningkatkan kemahiran.

“KRS SMK Labuan terus cemerlang dan berupaya membentuk peribadi, ketrampilan dan kepimpinan murid-murid SMK Labuan,” katanya sambil mengucapkan tahniah kepada murid-murid dan guru-guru KRS.

Berita Oleh : SMK Labuan